

20/04/2002

MSAM peringkat pengetahuan pelaburan

Badrila Jamlus

MENTERI Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berucap ketika merasmikan Seminar Perancangan Kewangan Asas yang dianjurkan sempena MSAM 2002.

MINGGU Saham Amanah Malaysia (MSAM) dilancarkan buat pertama kalinya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 20 April 2000 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan terus menjadi acara tahunan yang bermula setiap 20 April.

MSAM yang pertama seumpamanya di dunia dianjurkan bersama Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Persekutuan Pengurus-pengurus Saham Amanah Malaysia (FMUTM) bertemakan "Saham Amanah-Pilihan Pelabur Bijak".

Mulai tahun lalu, MSAM diadakan di luar Kuala Lumpur iaitu di Kota Bahru, Kelantan dan pada tahun ini pula di Alor Star, Kedah.

Matlamat utama MSAM ialah memasyarakatkan pendidikan pelaburan dengan cara mendekati orang ramai selain menyediakan pelbagai kegiatan untuk semua golongan.

Jika dilihat secara menyeluruh, MSAM bukan saja satu wadah untuk masyarakat pelbagai lapisan memahami dan meningkatkan pengetahuan mengenai pelaburan, tetapi secara tidak langsung menyediakan tempat serta masa untuk masyarakat daripada pelbagai golongan tanpa mengira latar belakang, usia, bangsa dan agama berhimpun bersama-sama menjayakan matlamat MSAM.

Walaupun diadakan di luar Kuala Lumpur, kegiatan MSAM 2002 turut diadakan di seluruh negara dan kegiatan utamanya adalah pameran yang disertai syarikat pelaburan PNB, badan kawal selia dan syarikat pengurus saham amanah.

Dengan mengekalkan tema sama iaitu "Saham Amanah - Pilihan Pelabur Bijak", MSAM tahun ini meneruskan matlamatnya untuk mendidik masyarakat mengenai pelaburan khususnya dalam saham amanah melalui pelbagai program pendidikan yang sudah diatur.

Antara kegiatan yang diadakan termasuk Pertandingan Esei Saham Amanah Kategori Sekolah Menengah/IPTA/IPTS/umum; Kuiz Pelaburan Kategori Sekolah Menengah/Universiti; Seminar Perancangan Kewangan Asas; Seminar Instrumen Kewangan dan Pengurusan Aset Terkini; Pertandingan Pelaburan Antara Universiti dan Pertandingan Mewarna bersama Along.

MSAM 2002 juga tidak melupakan mereka yang kurang bernasib baik dengan menganjurkan program PNB Endah.

Bagi memeriahkan lagi acara tahun ini, permainan rakyat turut diadakan.

Antaranya persembahan seni silat, wayang kulit, sepak raga tuju dan persembahan kesenian.

PNB juga berharap minggu saham tahun ini dapat menarik pengunjung untuk mengetahui saham amanah dengan lebih lanjut dan mudah difahami.

Pengunjung diharap mengambil peluang keemasan ini dengan menyertai pelbagai kegiatan yang dianjurkan dan memanfaatkan pengetahuan yang diperoleh menerusi MSAM kali ketiga ini.

Mengimbas kegiatan yang sudah dijalankan sepanjang MSAM tahun lalu di Kelantan, antaranya termasuk Pertandingan Debat Piala Pusingan PNB, Pertandingan Pelaburan Antara Sekolah-sekolah Menengah Harian Kelantan; Forum Pelaburan; Pertandingan Kuiz Pelaburan Peringkat Kebangsaan dan Pertandingan Esei Peringkat Kebangsaan serta Seminar Antarabangsa.

MSAM 2001 turut menganjurkan PNB Endah iaitu satu program untuk kanak-kanak istimewa dan anak yatim serta tidak ketinggalan ekspedisi bermotor Kenali PNB di Pulau Pinang.

Antara tetamu kenamaan dan pemimpin yang hadir menjayakan MSAM 2001 termasuk Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri; Sultan dan Raja Perempuan Kelantan; Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar Kelantan; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Penasihat Kementerian Kewangan, Datuk Mustapa Mohamed.

PNB kini menguruskan lebih 39 bilion unit saham amanah daripada kira-kira lapan juta pemegang akaun.

Jumlah itu termasuk kira-kira empat bilion pelaburan bukan Bumiputera yang membabitkan 700,000 pelabur.

Sebagai sebahagian program MSAM 2002, PNB turut menganjurkan Seminar Perancangan Kewangan Asas di 21 lokasi seluruh negara hingga 13 Mei ini.

Antara topik yang dibincangkan ialah pengenalan konsep merancang kewangan, nilai waktu wang, pengurusan kewangan peribadi, profil risiko dan pulangan serta perancangan kewangan persaraan.

Seminar itu disasarkan untuk membantu orang ramai memahami falsafah pelaburan yang membabitkan risiko, tempoh pelaburan dan pulangan yang berbeza.

Ketika ini, PNB mengendalikan sembilan dana iaitu Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Nasional 2 (ASN2), Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN3), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW2020), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Didik (ASD), Amanah Saham Malaysia (ASM) dan Amanah Saham Hartanah PNB (AHP) dan Amanah Harta Tanah PNB2 (AHP2).

Kejayaan MSAM dapat dilihat menerusi pembabitan golongan profesional negara khususnya dalam persada pendidikan pelaburan negara dan sebagai medan interaktif untuk meneroka idea terkini dalam membangunkan industri saham amanah negara.

Selain itu, MSAM 2001 turut mengadakan program Kuiz Bijak Langkah Bijak Labur PNB yang berkonsepkan Game Show dan disiarkan di TV3 sebanyak 13 episod.

Rancangan itu ditaja PNB dan Maybank serta syarikat pelaburan PNB.

Pada MSAM 2002, bakal diadakan juga siri seminar perancangan kewangan keluarga yang akan memberi peluang kepada orang ramai mendapatkan pendedahan mengenai perancangan kewangan.

Sebagaimana pada MSAM yang lalu, acara utama MSAM 2002 ialah pameran yang akan disertai badan kawal selia seperti Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Saham Kuala Lumpur, ahli Persekutuan Pengurus-pengurus Amanah Saham Malaysia, ejen Amanah Saham Nasional Berhad dan anak syarikat Kumpulan PNB.

Melalui pameran ini, pengunjung berpeluang memperoleh pelbagai maklumat berkenaan saham amanah yang disediakan dalam bentuk yang menarik dan secara interaktif.

Sebelum tarikh 20 April, terdapat acara awal yang sudah pun bermula seperti Pertandingan Menulis Esei Peringkat Kebangsaan. Pertandingan itu terbahagi kepada tiga kategori iaitu sekolah menengah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S) serta umum.

Selain pertandingan menulis esei, program pendidikan MSAM 2002 yang paling awal diadakan ialah Pertandingan Kuiz Pelaburan PNB Peringkat Kebangsaan Kategori Sekolah Menengah yang akan bermula pada 11 Mac dengan ujian bertulis peringkat negeri dibuat serentak di seluruh negara.

Sekolah yang memperoleh markah tertinggi secara automatik akan mewakili negeri masing-masing ke ujian bertulis peringkat kebangsaan yang akan diadakan pada 19 April di Alor Star.

Tidak dapat dinafikan Pertumbuhan industri saham amanah negara bergantung kepada sokongan orang ramai kerana tanpa penyertaan yang menyeluruh daripada orang ramai, sukar bagi industri itu terus berkembang.

Maka, tidak mustahil jika melalui MSAM ini, ia dapat membantu meningkatkan lagi penyertaan orang ramai dalam saham amanah kepada satu

tahap yang membanggakan.

(END)